



BERITA PRU-14 RENCANA HIBURAN BISNES KOTA PENDIDIKAN S&T RONA SUKAN

BISNES > EKONOMI

KORPORAT SIARAN AKHBAR USAHAWAN AUTOMOTIF HARTANAH TEKNOLOGI SAHAM

KIP REIT Management sasar aset RM2 bilion



DARI kiri, Wakil Pacific Trustees Bhd., Edward Cheah Ken-Sze; Chew Lak Seong; Ketua Pegawai Korporat Sustainable Energy Development Authority, Dr. Wei Nee Chen; Ong Kook Leong; Chin Soo Mau; Wee Chek Aik dan Pengarah Eksekutif Pekat Group, Tai Yee Chee selepas menandatangani Perjanjian Dasar Induk (HOA) Kuala Lumpur, semalam. UTUSAN/AMIR KHALID

Muhd. Shahizam Tazali

ekonomi@utusan.com.my

24 April 2018 3:00 AM

KUALA LUMPUR 23 April - KIP REIT Management Sdn. Bhd. menyasarkan untuk meningkatkan jumlah aset di bawah kendalian syarikat itu kepada RM2 bilion dalam tempoh lima tahun berbanding RM680 juta ketika ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Chew Lak Seong berkata, usaha itu dapat dicapai walaupun berhadapan dengan situasi persekitaran yang tidak menentu dan perlu lebih berhati-hati dalam membuat keputusan pelaburan.

Jelas beliau, pihaknya kini sedang menilai beberapa pengambilalihan yang berpotensi kepada syarikat.

“Kami telah berbincang dengan banyak pihak namun belum dapat direalisasikan sebelum tahun kewangan berakhir pada Jun depan. Kami yakin beberapa pengambilalihan akan memberikan keputusan yang positif sekali gus membawa kemajuan kepada komuniti yang berada di Semenanjung Malaysia.

“Buat masa ini kami memberi tumpuan kepada pelbagai peluang yang terdapat di Semenanjung terlebih dahulu dan tidak menolak untuk berkembang ke Sabah dan Sarawak,” katanya dalam majlis menandatangani Perjanjian Dasar Induk (HOA) antara KIP Reit dan Pekat Solar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas KIP REIT Management Sdn. Bhd., Datuk Ong Kook Liong, Pengarah Urusan Kumpulan Pekat Group, Chin Soo Mau dan Pengarah Urusan Pekat Group, Wee Chek Aik.

Sementara itu, Lak Seong berkata, KIP Real Estate Investment Trust (KIP REIT) menjalin kerjasama dengan Pekat Solat Sdn. Bhd. bagi pemasangan sistem solar fotovoltaik (PV) di enam bangunan miliknya dengan kos sebanyak RM9.56 juta.

Menurutnya, pemasangan itu melibatkan lima KIP Mart yang terletak di Tampoi, Kota Tinggi, Masai, Senawang serta Melaka dan KIP Mall di Bangi.

Jelas beliau, keseluruhan pemasangan sistem puncak PV berkenaan akan menghasilkan jumlah output sebanyak 2,730 kilowatt.

“KIP REIT membuat pelaburan sebanyak 80 peratus dengan nilai RM7.64 juta manakala 20 peratus lagi adalah menerusi Pekat Solar. Pelaburan ini dibiayai melalui pinjaman bank.

“Inisiatif pemasangan PV bakal memberikan penjimatan yang besar sehingga RM26.4 juta setahun dan menyumbang kepada peningkatan perolehan syarikat. Tempoh pulangan pelaburan ini dijangka mengambil masa selama enam tahun berdasarkan kadar tarif semasa Tenaga Nasional Berhad (TNB),” kata beliau.

Tag Berkaitan

[Kuala Lumpur](#)[Barangan Pengguna](#)[Saham, Komoditi dan Mata Wang](#)[Ekonomi dan Polisi](#)[Perniagaan dan Keusahawanan](#)[Semasa](#)

ARTIKEL BERKAITAN



KWAP unjur capai aset RM150 bilion